

22 SEP 1998

Komanwel-Rangkuman/I

MALAYSIA MEMERANJATKAN, AUSTRALIA SEMAKIN MENONJOL

Oleh: Ian Telford

KUALA LUMPUR, 22 Sept (Bernama) -- Malaysia mengharungi krisis ekonomi Asia untuk menganjurkan Sukan Komanwel ke-16 dan mencapai kejayaan yang memeranjatkan dengan mempamerkan prestasi paling mantap dalam sejarah Sukan tersebut apabila kontinjen negara memungut 10 pingat emas.

Walaupun Malaysia sememangnya tidak berkemampuan mencabar penguasaan tiga kuasa sukan dalam Komanwel -- Australia, England dan Kanada -- pungutan sejumlah 36 pingat di Sukan tersebut mengesahkan kedudukan Malaysia sebagai kuasa yang sedang meningkat di bidang sukan.

Bagaimanapun, Australia paling menonjol dengan pungutan pingat emas paling banyak. Lagu kebangsaan Australia sentiasa berkemundang pada upacara penyampaian pingat hinggakan ia dianggap sebagai lagu tema tidak rasmi Sukan Kuala Lumpur '98.

Kontinjen Australia menggondol sejumlah 199 pingat, termasuk 80 emas -- lebih sekali ganda jumlah pingat yang dipungut oleh pencabar terdekatnya, England.

Tetapi lebih penting lagi, pesta sukan berjuta ringgit itu telah menyatu-padukan masyarakat yang berbilang kaum dan berbilang budaya serta memupuk semangat kebanggaan negara.

Kesemua 70 negara Komanwel hadir di Sukan ke-16 itu. Ia merupakan kehadiran penuh yang pertamanya bagi Sukan Komanwel.

Dengan sorakan "Malaysia Boleh", Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah memberangsang dan menggerakkan rakyat dan akhirnya membuktikan tanggapan pihak yang meragui kemampuan Malaysia itu nyata tidak berasas.

Sepanjang enam tahun sejak Malaysia disahkan sebagai tuan rumah Sukan Komanwel ke-16, beberapa pihak telah meragui kemampuan Malaysia untuk menganjurkan Pesta Sukan kedua terbesar di dunia itu.

Namun pihak penganjur akhirnya mengecapi kepuasan menganjurkan Sukan Komanwel yang terbesar dan paling canggih yang dikatakan begitu berjaya sekali.

Di arena sukan pula, kekurangan yang agak nyata adalah ketiadaan beberapa jaguh dalam beberapa acara seperti juara pecut Olimpik Donovan Bailey, jaguh lari berpagar Colin Jackson, juara dunia lompat kijang Jonathan Edwards dan juara dunia 400 meter Cathy Freeman.

Ketiadaan jaguh-jaguh tersebut sedikit sebanyak menjejaskan mutu pertandingan bagi beberapa acara di Stadium Nasional yang berkapasiti 100,000 penonton itu.

Di samping penonjolan Malaysia dalam tiga jenis sukan iaitu boling tenpin (4 pingat), menembak (lapan) dan badminton -- di mana pasukan negara menggondol tiga emas -- kemenangan Saravanan Govindasamy dalam acara jalan kaki 50 kilometer adalah yang paling mengejut, terutamanya apabila pasukan Malaysia tidak meletakkan harapan untuk memenangi sebarang pingat dalam olahraga.

Pingat emas yang dimenangi oleh Saravanan itu merupakan pingat Malaysia yang pertama bagi olahraga dalam Sukan Komanwel dan ia memeranjatkan Saravanan sendiri...termasuk jurulatihnya.

Tetapi dua pingat emas yang paling menarik adalah yang dimenangi oleh peninju Sapok Biki bagi kategori 48kg dan pingat emas untuk acara menembak Air Rifle oleh Nurul Hudda Baharin, yang cedera tangannya akibat kemalangan motosikal sebulan lalu.

Australia pula memecah rekod renang 4x200 meter gaya bebas dan mematah

semangat pencabar mereka.

Sepanjang enam hari acara renang, Australia merangkul 23 emas daripada 32 yang dipertandingan. Dan juara Olimpik bagi gaya kupu-kupu Susie O'Neill ditakhtakan ratu renang dengan pungutan enam emas dan menambahkan pungutan emas Sukan Komanwelnya kepada 10, satu kejayaan rekod.

Pasukan Australia juga menguasai acara balapan dan padang dengan menggondol 13 emas daripada sejumlah 34 pingat yang dimenangnya, melebihi satu dari jumlah yang dipungut oleh England.

Bagi olahraga, Ato Boldon merangkul emas dalam acara pecut 100m dengan masa 9.88 saat manakala atlit lelaki dan wanita Kenya menguasai perlumbaan jarak jauh.

Tetapi prestasi yang dipamerkan oleh seorang ibu berusia 38 tahun dari Australia menarik perhatian dunia. Heather Turland, ibu kepada empat orang anak, memeranjatkan hampir semua penonton termasuk dirinya apabila memenangi acara marathon ketiganya.

Tiga veteran England -- pelontar peluru Judy Oakes, 40, jaguh lompat tinggi Dalton Grant, 32, dan jaguh lempar cakera Robert Weir, 38 -- juga memenangi pingat emas.

Sementara itu, penguasaan Kanada ke atas gimnastik juga ditembusi dengan Australia memenangi sembilan emas.

Atlit Kanada masih mampu menonjolkan seorang bintang dalam bahagian gimrama, Erika-Leigh Stirton, yang memenangi empat emas pada hari akhirnya.

Di Lapang Sasar Antarabangsa Langkawi pula, penembak England Michael Galt memungut empat pingat emas individu Air Pistol.

England juga muncul sebagai juara dalam perlawanan tinju dengan memungut kesemua empat emas pada hari akhir.

Pasukan lumba basikal Australia mengutip lapan daripada 13 emas yang dipertandingkan manakala Kanada, England, New Zealand dan Malaysia memenangi bakinya.

Sukan berpasukan yang diperkenalkan di sini --ragbi tujuh sebelah, hoki padang, kriket dan bola jaring -- mencapai kejayaan menarik.

England muncul sebagai naib johan kepada Australia dari segi pungutan pingat dengan 136, diikuti oleh Kanada (99), termasuk 30 emas, manakala Malaysia memungut 36 pingat (10 emas, 14 perak dan 12 gangsa) untuk menduduki tempat keempat dan Afrika Selatan di tempat kelima dengan 34 pingat.

Namun sebahagian besar daripada 5,000 atlit yang mengambil bahagian akan pulang dengan kenangan manis.

--BERNAMA

IT KGO AO